



TEKS UCAPAN VERBATIM

YAB DATO' SERI UTAMA ANWAR BIN IBRAHIM

PERDANA MENTERI

SEMPENA

MAJLIS AGIHAN PERDANA LEMBU KORBAN MADANI

PARLIMEN PERMATANG PAUH

26 MEI 2026 (SELASA) | 2.00 PETANG

MASJID DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH

PULAU PINANG

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillahilladzi anzala 'ala 'abdihil kitab

walam yaj'al lahuu 'iwajaa,

Wa usolli wa nussalli ala Rasulihil Karim,

Wa ala alihi wa sahbihi ajma'in.

Saudara Ketua Menteri;

Wakil-wakil Setiausaha Kerajaan Negeri;

wakil-wakil yang hadir pada hari ini, terima kasih banyak atas kesudian hadir.

1. Acara pada petang ini sebenarnya tak ada ucapan. Tapi dia orang minta hajat sikit, so, jalan lah. Kita adakan majlis ini untuk memudahkan, menyempurnakan sebahagian daripada ibadah kita, sebahagiannya korban, sebahagiannya yang boleh disumbang melalui

jentera Kerajaan, dan secara peribadi juga dan sepertimana yang kita lakukan setiap tahun.

2. Dan korban ini saya tak payah ulaskan, Ustaz banyak sudah terangkah, tapi dia mesti bagi satu mesej dalam Islam ini sebenarnya. Terima kasih Datuk Sollehuddin Alyubi Zakaria, ICU. Dia bantu banyak. Dia tiap ibadah itu, maksud penyampaian itu penting. Dia... korban itu, itu *sacrifice* dalam hidup, dalam perjuangan, tak ada semangat dan daya juang ini, tak ada nilai kemanusiaan itu. Jadi, bila ada ujian daripada Allah SWT kita terima sebagai ujian dan menuntut kesabaran.
3. Jadi, bila korban itu menuntut apa? Pertama, hakikat keimanan yang teguh untuk melakukan ibadah itu sepertimana yang bermula dengan para rasul, Ibrahim dan Ismail a.s. Tetapi, dengan kesabaran. Pertama, iktikad jelas taat pada Allah SWT. Kedua, semangat pengorbanan, tidak ada perjuangan, tidak ada erti kehidupan, kalau tidak tahu erti kesabaran, daya tahan untuk berjuang. Itu saya kira maksud yang disampaikan.

4. Tetapi, kekuatan yang tambahan ini ialah bahawa ibadah itu memberi manfaat kepada masyarakat. Kerana korban itu, betul, kita adakan kegiatan ibadah, tetapi manfaatnya itu kepada keluarga dan masyarakat. Jadi, tidak ada umpamanya orang kata daya juang dia saja nak masuk syurga satu orang, selamat dia, tak. Dia mesti hidupkan semangat jamaah ini, kerana ini yang membedakan semangat dan kekuatan kita.

5. Jadi mudah-mudahan, kita yang terlibat sama ada daripada pegawai Kerajaan, tetapi ada satu amalan yang baru yang saya ucap terima kasih kepada rakan-rakan, yang mencadang kepada saya, iaitu kita dapat bekalan lembu yang jauh lebih murah, dan ada sedikit sumbangan daripada kemudahan Kerajaan, tetapi ada sumbangan daripada penyerta, orang yang terlibat secara langsung. Dia bayar sedikit. Itu beza. Saya tengok dalam banyak, saya dah buat korban ini sejak tahun 1982 dulu. Tapi saya tengok bila ada kegiatan baru iaitu bagi tiap yang nak korban, yang nak menjalankan ibadah itu, selain daripada terima daripada kemudahan-kemudahan, dia rasa lebih berharga. Yang mampulah ya, bukan wajibkan kepada semua, yang

mampu. Bayar sedikit, tetapi dia rasa aku ada sumbangan dalam penglibatan ibadat ini.

6. Jadi sebab itu saya lihat, dimulakan besar di Pematang Pauh, Bagan, apa ini... Hussin, apa nama tempat? Bukit Gantang. Kemudian, saya cuba perkenalkan dalam masa singkat dalam berpuluh-puluh kawasan Parlimen yang lain. Terus ada korban sampai di mana sumbangan kerajaan tapi ada juga satu komponen di mana masyarakat boleh menyertai dengan beri sumbangan. Jadi dia tahu, ini bagi pihak keluarga dia, dan apa yang dihajatkan bagi ibu bapa dia yang meninggal dan sebagainya. Itu tujuan dia.
7. Jadi, kita kena ingat. Setiap ibadah ini apa dia? *Yā ayyuhallażīna āmanustajībū lillāhi wa lir-rasūli iżā da'ākum limā yuḥyīkum* (Surah Al-Anfal: 24). Selalu kita kena faham ini. Maksudnya, orang beriman ini dalam mempertaut dirinya kepada keyakinan Allah SWT, itu bukan sahaja dengan menyampaikan '*Iza da'akum*'. Tapi '*lima yuhyikum*' menghayatinya, menghayati ini, penghayatan ini bermakna peribadi kita, amal ibadat kita, sedekah jariah kita dan apa yang kita sumbang kepada masyarakat.

8. Sebab itu, ulama-ulama jumhurnya mengatakan korban ini memanfaatkan yang lebih kalau kita dapat sampaikan kepada fakir miskin, *fugara' wal masakin*, jiran-jiran tetangga. Jadi, tidak hanya dimiliki oleh keluarga kita saja. Jadi, sentiasa dia ada, *Hablum minallah, Hablum minannas*. Ini mudah-mudahan dalam menyempurnakan ibadah ini kita. Baik.
9. Saya syukur, tambahan lagi kerana kita buat ibadah korban kali ini dalam keadaan ekonomi yang belum menentu. Selat Hormuz. Petang ini pukul 6, *insya-Allah* Presiden Iran akan menghubungi saya di telefon. Walaupun banyak orang perli ini Perdana Menteri telefon. Hari itu dia kata Perdana Menteri tandas, kerana saya suruh baiki tandas, tapi tak apalah manusia itu kadang ada akhlak, kadang kurang. Kadang ada adab, kadang dia tak reti. Jadi tak apa, tapi yang saya maksudkan, apa saja faedah kita, kerana hubungan itu membantu kita.
10. Pertama, *silaturrahim*. Sama-sama Islam, sama-sama manusia untuk bawa keadilan. Dia kena serang oleh rejim Zionis Israel dengan kerjasama Amerika. Habis, ranap beberapa kota dia sepertimana berlaku di Gaza

dan sekarang di Lubnan. Jadi, kita lahirkan simpatilah. Itu pun tak boleh? Jadi, kita lahirkan simpati. Kemudian, bila kita agak susah, kapal kita, minyak kita nak lalu Selat Hormuz, kita di antara yang pertama yang dapat lepas. Jadi, kapal awal-awal lepas Selat Hormuz sampai Pengerang dan sekarang ini, minyak di Malaysia ini tak ada negara lain.

11. Saya di Filipina, di Cebu untuk mesyuarat ASEAN, ada yang beratur, stesen minyak ada yang 400 dah tutup, yang lain kena beratur. Kita, *Alhamdulillah*, belum sampai ke situ. Doa supaya selamat, kerana hubungan baik ini membantu *supply* minyak cukup setakat ini. Kita kata sampai Julai, sampai Ogos, *insya-Allah*. Diesel cukup. Masalah itu minyak ada, diesel tak ada. Ada. Naiklah sedikit barang itu kerana kita beli daripada luar yang lalu Selat Hormuz. Insurans naik, tambang kapal pun naik, tapi setakat yang kita mampu, minyak RON95 kekal RM1.99.
12. Bagitahu kat negara mana yang lebih murah daripada Malaysia? Tapi dia tak cerita hal itu. Dia cerita masalah, memang ada masalah. Tapi saya nak bagitahu tak ada, Brunei sahaja negara Brunei dengan setengah juta

penduduk dia itu sahaja satu-satu yang lebih rendah apabila kita, itu yang pertama.

13. Diesel, walaupun naik, kita bagi macam-macam projek Budi MADANI untuk petani, untuk nelayan, untuk traktor, untuk bas, untuk bas sekolah untuk pengangkutan, kita bantu. Cukup? Tak cukup kerana kita hadapi masalah, tapi mudah-mudahan semangat pengorbanan dengan ikhlas itu akan membantu kita. Apa erti hidup kalau kita tak sama-sama mendaki, mengharungi dalam keadaan senang dan susah. Dan *Alhamdulillah*, kerana susah kita itu, banding dengan negara jiran, saudara bayangkanlah.
14. Jadi, kita syukur kepada Allah SWT, *La in shakartum la-azeedannakum, wa la-in kafartum inna azaabee lashadeed.* (Surah Ibrahim: 7). Allah mengingatkan kita syukur pada keadaannya. Bukan tak boleh syukur, bukan tak boleh tegur, bukan tak boleh kritik, takkan tak boleh tuntutan, boleh. Tapi syukurlah kepada yang kebaikan kita dapat kerana, bila syukur itu dapat manfaat kepada Allah SWT. Dan orang yang kufur, menolak nikmat itu akan menempah azab yang pedih. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.